☑ Berita Harian
☐ Berita Minggu
Tarikh: 26/4/2012
Hari: JUMAAT M/S: 14
Ruangan: KELUARAN ILPTS

RM880,000 bantu 22 kelab MYAGROSIS

Pendekatan bertujuan galak pelajar IPTA ceburi bidang pertanian ketika masih belajar

Oleh Fakhrurrazi Usuldin
Gambar oleh Mohd Fadli Hamzah

DANA berjumlah RM880,000 diagihkan kepada 22 Kelab Usahawan dan Siswazah Tani (MYAGROSIS) di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan Institut Latihan Pertanian (ILP) seluruh negara bagi membantu pembangunan kelab masing-masing.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh Omar, berkata kelab MYAGROSIS itu dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, di Universiti Teknologi Mara (UITM) Kampus Merbok, Sungai Petani, Kedah, Disember lalu.

"Pendekatan ini bertujuan menggalakkan pelajar IPTA menceburi bidang pertanian sewaktu masih belajar. Kali ini, kelab MYAGROSIS dipanjangkan kepada pelatih ILP supaya mereka juga membabitkan diri dalam bidang keusahawanan pertanian sewaktu masih belajar.

"Peluang berkenaan memberi pendedahan mengenai bidang yang selari dengan pengajian mereka di ILP," katanya pada program perhimpunan serta ramah mesra Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani bersama Pelatih ILP di Taman Ekspo Pertanian Serdang Malaysia (MAEPS), di Serdang, Selangor, baru-baru ini.

Hadir sama, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mohd Hashim Abdullah. Majlis dihadiri kira-kira 1,000 pelatih ILP dari seluruh negara.

Noh berkata, setiap kelab di 11 IPTA terpilih dan 11 di ILP, masing-masing menerima RM40,000 termasuk RM30,000 untuk K-shop dan RM10,000 sebagai modal pusingan.

"Di samping bantuan disediakan kepada petani luar bandar, kementerian kini turut memberi perhatian kepada pelajar institut pertanian yang bakal mewarisi kesinambungan pembangunan sektor pertanian pada masa depan.

"Malah, dengan menyertai kelab ini, mereka mudah mendapat pinjaman untuk memulakan projek pertanian sendiri melalui agensi seperti Agrobank dan skim TEKUN yang disediakan kerajaan kepada petani apabila tamat pengajian nanti," katanya.

Tambah beliau, mereka yang mempunyai kad keahlian kelab MYAGROSIS akan menikmati harga istimewa sewaktu mahu membeli produk pertanian keluaran kelab ini nanti pada masa depan.

Noh menyifatkan peluang memasuki ILP sebagai batu loncatan bagi pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang tidak dapat menyambung pelajaran ke IPT.

PELATIH ILP yang menghadiri perhimpunan serta ramah mesra dengan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani di Serdang, baru-baru ini.

"Penubuhan Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan berada pada peringkat akhir rundingan dengan dua IPTA iaitu Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) bagi membolehkan pelatih lepasan ILP meneruskan pengajian ke peringkat lebih tinggi seperti Diploma atau Ijazah.

"Kemasukan ke ILP boleh dikatakan peluang kedua bagi mereka yang bercita-cita menyambung pengajian kerana kemasukannya tidak terlalu ketat dan selepas tamat belajar, peluang terbuka luas sama ada mahu terus berkerja ataupun menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi," katanya.

Bagi pelatih tahun pertama Institut Veterinar Malaysia, Kluang, Johor, Murni Mukhtar, 23, pemberian dana kelab MYAGROSIS itu baik bagi membantu ahli kelab menjalankan kegiatan dirancang.

"Saya menyambut baik penubuhan kelab itu kerana ia menjadi titik permulaan buat pelatih ILP menceburi bidang pertanian sewaktu masih belajar.

"Apabila tamat pengajian, pelatih boleh meneruskan aktiviti pertanian ke skala yang lebih besar bagi mendapat pulangan lumayan," katanya yang bercita-cita ingin membuka pusat penternakan lembu selepas tamat pengajian.